

BIDANG KUASA MAHKAMAH SIVIL DALAM KES PEMALSUAN DOKUMEN PERKAHWINAN: ANALISIS PERUNDANGAN DAN KAJIAN KES **(The Jurisdiction of the Civil Courts in Cases of Forged Marriage Documents: A Legal Analysis and Case Study)**

*Mohamad Aniq Aiman Alias*¹
 aniqalias@usim.edu.my

*Wan Abdul Fattah Wan Ismail*²
 wanfattah@usim.edu.my

*Ahmad Syukran Baharuddin*³
 ahmadsyukran@usim.edu.my

*Hasnizam Hashim*⁴
 hasnizam@usim.edu.my

*Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim*⁵
 tuan00@graduate.utm.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar
 Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.^{1,2,3&4}

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
 81310 Skudai, Johor, Malaysia.⁵

Pengarang koresponden (Corresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohamad Aniq Aiman Alias,
 Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Hasnizam
 Hashim, & Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim. (2025). Bidang
 kuasa mahkamah sivil dalam kes pemalsuan dokumen perkahwinan:
 Analisis perundangan dan kajian kes. *Kanun: Jurnal Undang-undang
 Malaysia*, 38(1), 83–104. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/kanun.38(1)no4)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
 (This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: <i>Received:</i>	9/7/2025	Semakan: <i>Revised</i>	15/12/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	20/1/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	30/1/2026
------------------------------	----------	----------------------------	------------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Pemalsuan dokumen satu daripada cabaran dalam pembuktian keterangan dokumentar di mahkamah sivil Malaysia, khususnya apabila melibatkan sijil perkahwinan, rekod pendaftaran dan dokumen sokongan yang menjadi asas pengiktirafan kesahan sesuatu perkahwinan. Pemalsuan dokumen dalam konteks perkahwinan menyebabkan implikasi undang-undang yang signifikan, termasuklah penentuan kesahan perkahwinan, prosiding perceraian, tuntutan harta pusaka dan hak perundangan pihak yang terlibat. Dengan berdasarkan rangka kerja perundangan sivil, kesalahan ini dikawal selia, terutamanya melalui Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis bidang kuasa mahkamah sivil bagi menangani kes pemalsuan dokumen perkahwinan, meneliti peruntukan perundangan yang berkaitan, serta menganalisis beberapa keputusan kes utama yang membentuk amalan semasa dan mengemukakan cadangan reformasi perundangan bagi memperkukuh peranan mahkamah sivil untuk menangani pemalsuan dokumen perkahwinan di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah analisis dokumen terhadap sumber undang-undang primer dan undang-undang sekunder. Data yang diperoleh kemudiannya dipaparkan dalam bentuk subtema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mahkamah sivil menginstitusikan prosedur pembuktian yang ketat dan konsisten dalam penilaian ketulenan dokumen, termasuklah melalui perbandingan tandatangan, penggunaan keterangan pakar dan pemakaian Seksyen 73 Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Di samping itu, peruntukan, seperti Seksyen 42 Akta 164 memperuntukkan hukuman punitif yang jelas bagi kesalahan yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen perkahwinan dan mencerminkan komitmen undang-undang untuk mencegah penyalahgunaan dokumen rasmi. Sumbangan utama kajian ini adalah untuk menjelaskan bidang kuasa mahkamah sivil dan menilai keberkesanan peruntukan statutori dan prinsip pembuktian bagi menangani pemalsuan dokumen perkahwinan. Kajian ini turut mengemukakan keperluan reformasi perundangan dan pentadbiran, termasuklah penambahbaikan mekanisme verifikasi dokumen dan penerapan ciri keselamatan digital, bagi meningkatkan integriti pendaftaran perkahwinan di Malaysia.

Kata kunci: Pemalsuan dokumen, keterangan, sijil perkahwinan, mahkamah sivil, bidang kuasa, reformasi perundangan

Abstract

Document forgery constitutes one of the challenges in establishing documentary evidence before the Malaysian Civil Courts, particularly when it involves marriage certificates, registration records, and supporting documents that form the basis for the legal recognition of a marriage. Forgery of documents in the context of marriage gives rise to significant legal implications, including the determination of marital validity, divorce proceedings, inheritance claims, and the legal rights of the parties involved. Within the civil legal framework, such offences are regulated primarily under the Penal Code [Act 574] and the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 [Act 164]. This study analyses the jurisdiction of the civil courts in addressing cases involving the forgery of marriage documents by examining the relevant statutory provisions, analysing several key judicial decisions that shape current practice, and proposing legal reforms to strengthen the role of the civil courts in addressing marriage document forgery in Malaysia. This study adopts a qualitative research design through document analysis of primary and secondary legal sources. The data obtained are subsequently presented in the form of subthemes. The findings indicate that the civil courts have institutionalised strict and consistent evidentiary procedures in assessing the authenticity of marriage documents, including through signature comparison, the use of expert evidence, and the application of Section 73 of the Evidence Act 1950 [Act 56]. In addition, provisions such as Section 42 of Act 164 prescribe clear punitive sanctions for offences relating to the forgery of marriage documents and reflect a legal commitment to preventing the misuse of official documents. The principal contribution of this study lies in clarifying the jurisdiction of the civil courts and evaluating the effectiveness of statutory provisions and evidentiary principles in addressing the forgery of marriage documents. The study further highlights the need for legal and administrative reforms, including improvements to document verification mechanisms and the adoption of digital security features to enhance the integrity of marriage registration in Malaysia.

Keywords: Document forgery, evidence, evidence, marriage certificates, civil courts, jurisdiction, legal reform

PENDAHULUAN

Pemalsuan dokumen satu daripada bentuk salah laku yang dapat menjejaskan integriti keterangan dokumentar dalam prosiding

kehakiman di Malaysia, sama ada di mahkamah sivil atau mahkamah syariah (Mohammad Aniq Aiman Alias, 2024a). Isu ini bukan sahaja mengganggu ketelusan proses kehakiman, malah menyebabkan implikasi langsung terhadap prinsip keadilan, kebolehpercayaan rekod rasmi dan perlindungan hak pihak yang terkesan (Khaila Humaira et al., 2024). Dalam konteks perkahwinan, pemalsuan dokumen lazimnya melibatkan sijil perkahwinan, rekod pendaftaran, afidavit dan dokumen sokongan lain yang menjadi asas penentuan status perkahwinan dan kesahan sesuatu hubungan undang-undang (Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi, 2015).

Di mahkamah sivil Malaysia, kesalahan pemalsuan dokumen perkahwinan mempunyai dimensi perundangan yang penting kerana melibatkan pertindihan antara undang-undang jenayah, khususnya antara Kanun Keseksaan [Akta 574] dengan undang-undang kekeluargaan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Pemalsuan dalam konteks ini bukan sahaja berpotensi untuk menyebabkan sesuatu perkahwinan dianggap tidak sah, malah turut menjejaskan hak yang berkaitan dengan perceraian, nafkah, penjagaan anak, pewarisan harta dan kedudukan perundangan pihak secara keseluruhan (Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid, 2024; Shuhairimi Abdullah et al., 2021). Implikasi seumpama ini menunjukkan bahawa pemalsuan dokumen perkahwinan merupakan isu yang memerlukan penelitian yang teliti dan menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti bidang kuasa mahkamah sivil bagi menangani kes pemalsuan dokumen perkahwinan dengan memberikan tumpuan terhadap asas perundangan, elemen kesalahan dan perkembangan tafsiran mahkamah di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Bagi mencapai objektif tersebut, perbincangan dimulakan dengan memperjelas hal yang berkaitan dengan konsep dan kedudukan keterangan dokumentar dalam sistem perundangan Malaysia, diikuti oleh analisis terhadap konsep pemalsuan dokumen menurut peruntukan undang-undang semasa. Seterusnya, pengkaji meneliti beberapa kes penting yang membentuk prinsip yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen perkahwinan dan mengenal pasti cabaran dan jurang perundangan yang masih wujud. Akhir sekali, pengkaji mengemukakan cadangan reformasi perundangan yang lebih bersifat responsif bagi memperkukuh mekanisme perlindungan terhadap penyalahgunaan dokumen dalam konteks perkahwinan di Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Sebelum kajian ini dilakukan, terdapat beberapa pengkaji terdahulu yang membincangkan isu yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen, namun perbincangan tersebut tidak memfokuskan pemalsuan dokumen dalam konteks mahkamah sivil, terutamanya yang melibatkan dokumen perkahwinan. Sebahagian besar pengkaji lepas hanya meneliti pemalsuan sebagai salah laku umum tanpa mengaitkannya dengan implikasi undang-undang yang khusus terhadap status perkahwinan, kesahan hubungan perundangan dan kesan terhadap hak keluarga. Kelompangan ini mewujudkan jurang ilmiah yang memerlukan penelitian yang lebih mendalam.

Menurut Mohamad Azhan Yahya et al., (2024) dan Anwarullah (2010), pemalsuan dokumen merupakan cabaran ketara dalam pembuktian dokumentar kerana melibatkan pengubahsuaian kandungan, pemalsuan tandatangan melalui teknik tiruan dan pemanipulasian digital yang sukar dikesan tanpa kepakaran forensik. Walaupun menekankan keperluan untuk memastikan kesahihan sesuatu dokumen sebelum diterima sebagai keterangan, kedua-dua pengkaji ini secara khusus tidak meneliti dokumen perkahwinan sebagai suatu bentuk keterangan yang menyebabkan implikasi perundangan tersendiri, khususnya yang berkaitan dengan kesahan perkahwinan, hubungan status dan hak statutori.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., (2019) pula menunjukkan bahawa pemalsuan dokumen perkahwinan dilihat makin kompleks dan hadir dalam pelbagai bentuk penipuan, termasuklah pemalsuan sijil nikah dan rekod pendaftaran rasmi. Pengkaji ini mencadangkan agar proses pengesahan dokumen diperkukuh melalui amalan yang lebih ketat. Walau bagaimanapun, pengkaji ini tidak menghuraikan cara mahkamah sivil mentafsirkan dan mengaplikasikan bidang kuasanya dalam kes yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen perkahwinan, sekali gus memperlihatkan keperluan terhadap kajian yang lebih berfokus.

Sementara itu, Khairul Anuar Abdul Hadi dan Halil Paino (2016) memberikan asas penting berhubung dengan hubungan antara penipuan, pemalsuan dan tanggungjawab sivil, termasuklah standard pembuktian yang perlu dipenuhi apabila terdapat dakwaan yang melibatkan elemen penipuan. Namun begitu, perbincangannya memfokuskan transaksi komersial dan rekod korporat tanpa melibatkan dokumen yang menentukan status peribadi, seperti sijil perkahwinan, yang menyebabkan implikasi substantif terhadap kedudukan keluarga.

Mohammad Aniq Aiman Alias (2023) pula menyoroti isu pemalsuan dokumen, namun terhad pada konteks perundangan syariah. Walaupun menekankan ketegasan mahkamah sivil dari aspek verifikasi, pengkaji ini tidak menghuraikan cara mahkamah sivil menjustifikasikan bidang kuasanya atau cara peruntukan statutori diaplikasikan dalam kes pemalsuan sijil perkahwinan.

Selain itu, perkembangan dalam kajian keterangan elektronik juga menyumbang pemahaman penting terhadap isu pemalsuan. Mohamad Azhan Yahya et al. (2024) menekankan keperluan prosedur operasi standard yang selaras dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56] bagi memastikan integriti dokumen elektronik, manakala Mohamad Aniq Aiman Alias et al., (2024) meneliti pendekatan mahkamah sivil dalam penilaian ketulenan dan rantaian jagaan dokumen digital. Walaupun fokus kajian ini dokumen elektronik, dapatan mengesahkan bahawa mahkamah sivil mempunyai pendekatan pembuktian yang berkembang dan ketat, namun masih belum ada kajian komprehensif yang berkaitan dengan perkembangan ini secara langsung dengan kes pemalsuan dokumen perkahwinan.

Dengan berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua lakuna utama dalam kajian terdahulu, iaitu ketiadaan analisis yang khusus mengenai bidang kuasa mahkamah sivil terhadap kes pemalsuan dokumen perkahwinan dan ketiadaan penelitian yang menggabungkan analisis peruntukan undang-undang dengan kajian kes yang diputuskan oleh mahkamah. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengisi kekosongan tersebut melalui pendekatan analitikal yang meneliti rangka kerja perundangan dan keputusan kehakiman yang relevan.

METODOLOGI

Metodologi berperanan penting bagi mencapai objektif sesuatu kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif kerana kajian dilakukan dalam bidang sains sosial dan perundangan. Menurut Suzana Muhamad Said dan Raja Muhammad Zuha Raja Kamal Bashah (2018), dan Ahmad Syukran Baharuddin (2017), kaedah sosioperundangan lazimnya digunakan dalam penyelidikan kualitatif dengan menghubungkan antara elemen sains sosial dengan perundangan melalui rujukan jurnal, kes undang-undang dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia. Penyelidikan kualitatif juga bersifat eksploratori dan digunakan untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam terhadap sebab asas, pandangan dan motivasi yang berkaitan dengan sesuatu isu. Penyelidikan ini memberikan gambaran yang jelas terhadap permasalahan yang dikaji

dan membantu pembentukan idea atau andaian bagi kajian kuantitatif pada masa hadapan. Dalam kajian ini, data yang dikumpulkan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merangkumi peruntukan undang-undang, termasuklah akta yang relevan, kes yang dilaporkan dalam jurnal undang-undang dan dokumen berkaitan yang bersumberkan institusi kehakiman. Data sekunder pula terdiri daripada artikel jurnal, buku, keratan akhbar, laman sesawang, tesis dan bahan penerbitan akademik yang berkaitan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen dan dipaparkan secara tematik mengikut subtopik yang berkaitan dengan objektif kajian.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan konsep keterangan dokumen dalam perspektif undang-undang Malaysia, konsep pemalsuan dokumen menurut undang-undang Malaysia, asas perundangan pemalsuan dokumen dalam kes perkahwinan di mahkamah sivil Malaysia, serta mengusulkan reformasi perundangan mahkamah sivil bagi menangani pemalsuan dokumen perkahwinan di Malaysia.

Konsep Keterangan Dokumen dalam Perspektif Undang-undang Malaysia

Secara umum, dokumen merujuk sesuatu yang bersifat tetap dan statik, serta tidak mudah diubah suai (Habibah Omar & Mazlina Mahali, 2020). Menurut Anwarullah (2010), dokumen merangkumi segala bentuk maklumat yang dirakam dan dapat digunakan sebagai bahan bukti dalam prosiding perundangan. Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan teknologi moden, konsep dokumen tidak lagi terhad pada bahan bertulis atau bercetak semata-mata, sebaliknya merangkumi pelbagai bentuk rakaman dan representasi maklumat yang dihasilkan melalui peranti elektronik dan sistem komputer.

Perkembangan ini mendorong pindaan terhadap Akta Keterangan 1950 [Akta 56] pada tahun 1993, khususnya melalui peluasan takrifan “dokumen” di bawah Seksyen 3. Dengan berdasarkan seksyen ini, dokumen merangkumi apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan atau digambarkan atas apa-apa bahan atau peranti, sama ada melalui huruf, angka, simbol, rakaman visual, rakaman bunyi, rakaman elektronik, magnetik atau mekanikal, termasuklah pemancaran jarak jauh dan gabungan pelbagai bentuk rakaman tersebut, selagi dokumen itu dimaksudkan atau berpotensi

digunakan bagi tujuan pembuktian. Takrifan ini menunjukkan bahawa undang-undang keterangan Malaysia mengiktiraf dokumen dalam pengertian yang luas yang merangkumi bukan sahaja bahan fizikal, tetapi juga maklumat yang direkodkan dalam bentuk digital.

Selari dengan peluasan takrifan ini, undang-undang Malaysia turut mengiktiraf konsep “komputer” dan “dokumen yang dihasilkan oleh komputer” sebagai sebahagian daripada keterangan dokumentar. Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [Akta 56] mentakrifkan komputer sebagai mana-mana peranti elektronik yang berupaya untuk menyimpan, memproses dan menghasilkan data secara automatik. Dokumen yang dihasilkan oleh komputer pula merujuk apa-apa maklumat yang direkodkan, disimpan atau dipaparkan melalui penggunaan sistem komputer, termasuklah data digital, cetakan komputer, rakaman elektronik dan fail sistem. Pengiktirafan ini kemudiannya diperkukuh menerusi peruntukan Seksyen 90A, Seksyen 90B dan Seksyen 90C akta yang sama yang menetapkan syarat khusus bagi penerimaan dokumen elektronik sebagai keterangan, termasuklah keperluan yang berkaitan dengan kebolehpercayaan sistem komputer dan ketulenan proses penghasilan dokumen.

Takrifan luas mengenai dokumen ini disahkan secara konsisten melalui keputusan mahkamah. Dalam kes *R lwn. Maqsud Ali* [1966] 1 *QB* 688, mahkamah memutuskan bahawa rakaman suara dan gambar adalah setara dari sudut nilai pembuktian dan boleh diterima sebagai dokumen. Pendekatan ini diteruskan dalam kes *Pendakwa Raya lwn. Datuk Haji Sahar Arpan* [2007] 1 *AMR* apabila mahkamah mengesahkan bahawa salinan faks, mikrofilem dan rakaman elektronik termasuk dalam skop “dokumen” di bawah Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dan Kanun Keseksaan [Akta 574]. Keputusan ini menegaskan bahawa dokumen tidak lagi terhad pada bentuk fizikal semata-mata, sebaliknya merangkumi pelbagai bentuk rakaman elektronik yang relevan dengan keperluan pembuktian semasa.

Dari sudut amalan kehakiman, keterangan dokumentar diterima dan digunakan secara meluas dalam sistem perundangan Malaysia sejak era 50-an. Menerusi perkembangan teknologi seterusnya, wujud bentuk dokumentasi baharu, seperti rakaman audio, video, rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) dan rakaman perbualan. Dalam kes *Mohd Ali Jaafar lwn. Pendakwa Raya* [1998] 4 *CLJ* 208, mahkamah menerima rakaman pita perbualan sebagai keterangan utama bagi mensabitkan tertuduh dalam kes rasuah, tertakluk pada pematuhan keperluan pengesahan yang ketat.

Pendekatan ini juga dapat dilihat dalam kes *Pathmanabhan Nallusamy lwn. Pendakwa Raya* [2013] *MLJU* 1567 apabila mahkamah persekutuan

menegaskan bahawa dokumen elektronik hanya boleh diterima sebagai keterangan sekiranya syarat di bawah Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dipatuhi sepenuhnya. Mahkamah menekankan kepentingan untuk memastikan sistem komputer yang menghasilkan dokumen tersebut beroperasi dengan baiknya, tiada pemanipulasian dan rantaian penghasilan dokumen dapat dibuktikan secara jelas. Keputusan ini mencerminkan pendekatan kehakiman yang berhati-hati dan berdisiplin dalam penilaian kebolehterimaan dokumen elektronik bagi memelihara ketertiban proses perbicaraan.

Dari sudut prosedur pembuktian, Ani Munirah Mohamad (2019) dan Augustine Paul (2010) menjelaskan bahawa sesuatu keterangan dokumentar, termasuklah pita rakaman, hendaklah melalui proses pengesahan yang rapi sebelum diterima oleh mahkamah. Prinsip utama yang dinyatakan oleh Habibah Omar dan Mazlina Mahali (2020) menunjukkan bahawa pembuktian dokumen memerlukan pengemukaan dokumen asal, kehadiran pencipta dokumen bagi mengelakkan keterangan dengar cakap, pengesahan tandatangan atau tulisan tangan, serta pematuan terhadap peruntukan Seksyen 58 Akta Keterangan 1950 [Akta 56] bagi dokumen yang diterima tanpa perlu dibuktikan. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini dapat menyebabkan dokumen ditolak, seterusnya menjejaskan keseluruhan prosiding.

Secara keseluruhan, undang-undang keterangan di Malaysia membentuk suatu kerangka yang jelas dan komprehensif dalam pentakrifan dan penerimaan dokumen sebagai bahan bukti, termasuklah dokumen yang dihasilkan melalui penggunaan sistem komputer dan teknologi elektronik. Namun begitu, peluasan skop kebolehterimaan dokumen ini secara langsung memerlukan tahap ketelitian yang lebih tinggi bagi memastikan ketulenan, kesahihan dan kebolehpercayaan dokumen yang dikemukakan di hadapan mahkamah. Oleh itu, kefahaman yang kukuh terhadap konsep keterangan dokumen merupakan asas penting sebelum penelitian isu dan cabaran yang berkaitan dengan kebolehterimaannya di mahkamah, seperti pemalsuan dokumen.

Konsep Pemalsuan Dokumen menurut Undang-undang Malaysia

Dalam konteks perundangan Malaysia, takrifan pemalsuan diperuntukkan melalui Seksyen 463 Kanun Keseksan [Akta 574]. Dengan berdasarkan peruntukan ini, pemalsuan merangkumi dua elemen utama, iaitu perbuatan menghasilkan atau mengubah sesuatu dokumen sehingga menjadi palsu,

serta kewujudan niat untuk memperdaya atau menyebabkan seseorang mempercayai sesuatu fakta yang tidak benar. Hal ini menjelaskan bahawa pemalsuan tidak hanya melibatkan fabrikasi sepenuhnya, tetapi turut merangkumi pindaan sebahagian kandungan dokumen bagi tujuan penipuan.

Menurut takrifan Garner (2004), pemalsuan melibatkan penciptaan atau pengubahsuaian dokumen secara tipu daya dengan tujuan untuk memperdaya pihak lain. Oleh itu, elemen niat menipu merupakan komponen penting dalam penentuan kewujudan kesalahan pemalsuan.

Dari sudut hukuman, Seksyen 465 Kanun Keseksaan [Akta 574] memperuntukkan bahawa pesalah pemalsuan perlu dipenjarakan dalam tempoh hingga dua tahun atau didenda, atau kedua-duanya sekali.

Hukuman ini merupakan peruntukan umum bagi kesalahan pemalsuan. Walau bagaimanapun, Kanun Keseksaan [Akta 574] turut menyediakan beberapa peruntukan khusus yang bergantung pada bentuk dan sifat dokumen yang dipalsukan melalui Seksyen 466 hingga Seksyen 469. Ringkasan peruntukan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Peruntukan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].

No.	Seksyen	Jenis Kesalahan	Hukuman
1.	Seksyen 466	Pemalsuan rekod mahkamah atau daftar awam kelahiran dan sebagainya	Pemenjaraan hingga tempoh tujuh tahun dan denda
2.	Seksyen 467	Pemalsuan sekuriti berharga atau wasiat	Pemenjaraan hingga tempoh dua puluh tahun dan denda
3.	Seksyen 468	Pemalsuan untuk tujuan penipuan	Pemenjaraan hingga tempoh tujuh tahun dan denda
4.	Seksyen 469	Pemalsuan dengan tujuan untuk mencemarkan reputasi seseorang	Pemenjaraan hingga tempoh tiga tahun dan denda

Jadual 1 menunjukkan bahawa Kanun Keseksaan [Akta 574] memperuntukkan seksyen khusus bagi setiap bentuk kesalahan pemalsuan dokumen dengan kadar hukuman yang berbeza-beza berdasarkan sifat

dan tahap keseriusan kesalahan tersebut. Pembahagian ini membolehkan mahkamah menjatuhkan hukuman yang bersesuaian berdasarkan jenis dokumen yang dipalsukan dan tujuan pemalsuan itu dilakukan.

Beberapa keputusan kehakiman turut memperincikan prinsip asas yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen. Dalam kes *Pendakwa Raya* lwn. *Chin Kim* [1985] 2 *MLJ* 129, mahkamah memutuskan bahawa pemalsuan dapat berlaku walaupun hanya sebahagian kandungan dokumen dipinda, asalkan pindaan tersebut dilakukan dengan niat untuk memperdaya orang lain. Keputusan ini menegaskan bahawa elemen niat merupakan faktor penentu dalam penentuan kewujudan pemalsuan tanpa mengambil kira tahap atau bentuk fizikal pindaan yang dilakukan.

Dalam kes *Pendakwa Raya* lwn. *Lee Weng Tuck* [2010] 7 *MLJ* 414 pula, mahkamah menilai pemalsuan berdasarkan kesan perundangannya terhadap hak dan kepentingan pihak lain. Mahkamah menegaskan bahawa penentuan, sama ada sesuatu dokumen itu palsu atau tidak, hendaklah dilakukan dengan mengambil kira fungsi dan tujuan dokumen tersebut dalam konteks perundangan, bukannya semata-mata bergantung pada rupa bentuknya.

Dalam konteks keterangan dokumentar seperti yang dilihat dalam kes *R* lwn. *Maqsd Ali* [1966] 1 *QB* 688, mahkamah mengiktiraf bahawa rakaman audio dan visual boleh diterima sebagai dokumen. Prinsip ini selanjutnya diterapkan dalam kes *Pendakwa Raya* lwn. *Datuk Haji Sahar Arpan* [2007] 1 *AMR* apabila mahkamah mengesahkan bahawa faks, mikrofilem dan rakaman elektronik termasuk dalam takrif “dokumen” di bawah Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Keputusan ini memperluas kategori dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan, sekali gus meningkatkan skop dokumen yang berpotensi untuk dipalsukan.

Dalam kes *Pathmanaabhan Nallusamy* lwn. *Pendakwa Raya* [2013] *MLJU* 1567, mahkamah menegaskan bahawa dokumen elektronik hanya boleh diterima sebagai keterangan sekiranya syarat di bawah Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dipatuhi, termasuklah pembuktian bahawa sistem komputer berfungsi dengan baiknya dan data yang dihasilkan tidak dimanipulasi.

Secara keseluruhan, kes ini menunjukkan bahawa undang-undang Malaysia mengambil pendekatan yang ketat terhadap perbuatan pemalsuan dokumen, sama ada dokumen fizikal atau dokumen elektronik, dan elemen niat untuk memperdayakan orang lain merupakan asas utama dalam penentuan liabiliti jenayah bagi kesalahan tersebut.

Asas Perundangan Pemalsuan Dokumen dalam Kes Perkahwinan di Mahkamah Sivil Malaysia

Pemalsuan dokumen dalam konteks perkahwinan merupakan suatu bentuk salah laku yang mempunyai implikasi perundangan yang serius dalam sistem kehakiman sivil Malaysia. Dokumen perkahwinan, seperti sijil perkahwinan dan rekod pendaftaran rasmi, berfungsi sebagai asas probatif terhadap kewujudan dan kesahan sesuatu perkahwinan (Jamilah Jamilah et al., 2019; Mohammad Aniq Aiman Alias, 2022). Oleh itu, sebarang bentuk manipulasi terhadap keabsahan dan ketulenan dokumen tersebut bukan sahaja menjejaskan status perkahwinan itu sendiri, malah berpotensi untuk meruntuhkan keseluruhan rantaian hak perundangan yang bergantung padanya, termasuklah hak yang berkaitan dengan pembubaran perkahwinan, legitimasi anak, hak penjagaan, harta sepencarian dan pewarisan (Muhammad Hazim Ahmad et al., 2019). Kedudukan dokumen perkahwinan sebagai dokumen awam yang mempunyai nilai perundangan yang tinggi menyebabkan pemalsuan dokumen tersebut suatu isu yang tidak boleh dipandang ringan oleh mahkamah sivil.

Menerusi undang-undang sivil, konsep perkahwinan bagi orang bukan Islam di Malaysia lazimnya merujuk takrifan klasik yang diperkenalkan dalam kes *Hyde lwn. Hyde and Woodmansee* (1866) LR 1 P&D 130. Dalam kes ini, perkahwinan ditakrifkan sebagai suatu penyatuan sukarela antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang bersifat monogami yang berterusan sepanjang hayat, melainkan dibubarkan menurut undang-undang. Takrifan ini membentuk asas konseptual terhadap kerangka undang-undang keluarga sivil apabila kesahan sesuatu perkahwinan bergantung secara langsung pada pematuhan keperluan undang-undang yang ditetapkan, termasuklah pendaftaran dan pengesahan dokumentar.

Dalam konteks Malaysia, perkahwinan orang bukan Islam ditadbir oleh Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] yang berfungsi sebagai rangka kerja perundangan utama bagi menentukan syarat sah perkahwinan, kewajipan pendaftaran, prosedur pembubaran, serta hak dan tanggungjawab yang bersabit dengannya. Melalui Seksyen 3, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dengan jelasnya mengehadkan penggunaannya terhadap orang bukan Islam, sekali gus menyebabkan sebarang pertikaian yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen perkahwinan dalam konteks tersebut berada sepenuhnya di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Seksyen 3 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]

menetapkan bahawa akta ini terpakai khusus untuk orang bukan Islam, serta mengecualikan perkahwinan yang diupacarakan menurut undang-undang Islam. Penetapan skop ini memisahkan bidang kuasa mahkamah sivil daripada mahkamah syariah dengan jelasnya dan menyebabkan implikasi, iaitu segala isu yang berkaitan dengan perkahwinan orang bukan Islam, termasuklah kesalahan pemalsuan dokumen perkahwinan, tertakluk sepenuhnya pada bidang kuasa mahkamah sivil.

Penetapan skop ini memberikan kejelasan perundangan bahawa isu pemalsuan dokumen perkahwinan bukan Islam hendaklah ditangani melalui mekanisme undang-undang sivil yang sedia ada. Selain itu, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] turut memperuntukkan suatu mekanisme khusus bagi melindungi integriti sistem pendaftaran perkahwinan melalui Seksyen 42 yang menjadikan perbuatan memusnahkan, memalsukan atau memasukkan catatan palsu dalam daftar perkahwinan atau perakuan daripadanya sebagai suatu kesalahan jenayah.

Peruntukan ini memperlihatkan bahawa undang-undang mengiktiraf daftar perkahwinan sebagai suatu dokumen awam yang mempunyai kepentingan perundangan yang signifikan dalam penentuan status sah sesuatu perkahwinan. Oleh itu, sebarang pemalsuan atau gangguan terhadap ketulenan daftar tersebut bukan sahaja menjejaskan kepastian status perkahwinan pihak terlibat, malah berpotensi untuk mengganggu ketertiban undang-undang secara keseluruhan. Hukuman penjara hingga tempoh tujuh tahun dan denda hingga RM10,000 yang diperuntukkan di bawah Seksyen 42 mencerminkan tahap keseriusan kesalahan ini dalam kerangka perundangan sivil.

Selain Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], perbuatan pemalsuan dokumen perkahwinan juga boleh tertakluk pada peruntukan Kanun Keseksaan [Akta 574], khususnya Seksyen 466 yang berkaitan dengan pemalsuan rekod awam. Seksyen 466 Kanun Keseksaan [Akta 574] memperuntukkan bahawa pemalsuan rekod awam yang disimpan oleh pihak berautoriti, termasuklah rekod dan daftar perkahwinan, merupakan suatu kesalahan jenayah yang serius. Peruntukan ini menunjukkan bahawa dokumen perkahwinan yang didaftarkan bukan sekadar dokumen pentadbiran keluarga, tetapi diiktiraf sebagai rekod awam yang mempunyai kesan undang-undang. Oleh itu, pemalsuan sijil atau catatan pendaftaran perkahwinan orang bukan Islam dapat diklasifikasikan sebagai pemalsuan dokumen awam dan tertakluk pada liabiliti jenayah di bawah undang-undang sivil (Rantanlal & Dhirajlal, 2007).

Rekod perkahwinan yang didaftarkan oleh Pendaftar Perkahwinan memenuhi ciri sebagai rekod awam kerana dihasilkan dan disimpan oleh pihak berautoriti, serta memberikan kesan undang-undang terhadap pihak yang berkepentingan. Sehubungan dengan itu, pemalsuan sijil perkahwinan, borang permohonan perkahwinan atau catatan pendaftaran bukan sahaja suatu pelanggaran terhadap undang-undang keluarga, malah dapat diklasifikasikan sebagai pemalsuan dokumen awam yang menyebabkan implikasi jenayah yang lebih berat.

Interaksi antara Seksyen 42 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dengan Seksyen 466 Kanun Keseksaan [Akta 574] menunjukkan bahawa pemalsuan dokumen perkahwinan dikawal melalui dua kerangka perundangan yang saling melengkapi, iaitu undang-undang keluarga dan undang-undang jenayah. Pendekatan dwikerangka ini memperkukuh keupayaan mahkamah sivil untuk menangani pemalsuan dokumen perkahwinan secara menyeluruh, sama ada dari sudut perlindungan institusi perkahwinan atau pemeliharaan integriti rekod awam. Analisis terhadap bentuk hukuman yang diperuntukkan ini turut menunjukkan bahawa undang-undang sivil Malaysia mengambil pendekatan yang setimpal dengan tahap keseriusan kesalahan tersebut, sekali gus berfungsi sebagai mekanisme pencegahan dan kawalan terhadap penyalahgunaan dokumen perkahwinan.

Sijil perkahwinan dan rekod pendaftaran perkahwinan merupakan dokumen utama yang membentuk asas pembuktian bagi kewujudan sesuatu perkahwinan yang sah pada sisi undang-undang sivil (Nuraisyah Chua Abdullah, 2020). Kepentingan dokumen ini ditegaskan secara jelas dalam keputusan mahkamah tinggi dalam kes *Yeoh Iwn. Chew* [2001] 4 *MLJ* 373. Dalam kes tersebut, pasangan terbabit hanya mengadakan suatu upacara simbolik di sebuah kuil tanpa mematuhi keperluan pendaftaran perkahwinan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Apabila pihak isteri memfailkan petisyen perceraian, persoalan utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah kewujudan perkahwinan yang sah yang membolehkan mahkamah menjalankan bidang kuasa dan memberikan remedi perundangan.

Mahkamah memutuskan bahawa hubungan tersebut adalah *void ab initio* berikutan kegagalan pihak dalam perkahwinan tersebut untuk mematuhi kehendak mandatori pendaftaran perkahwinan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Oleh itu, mahkamah tidak mempunyai bidang

kuasa untuk mengeluarkan dekri perceraian. Keputusan ini menegaskan prinsip asas bahawa kewujudan sijil perkahwinan yang sah bukan sekadar bersifat formaliti pentadbiran, sebaliknya merupakan prasyarat undang-undang bagi pelaksanaan apa-apa remedi yang berkaitan dengan perkahwinan, termasuklah tuntutan perceraian, nafkah, penjagaan anak dan harta sepencarian. Sehubungan dengan itu, sebarang ketidakabsahan atau keraguan terhadap kesahihan sijil perkahwinan, terutamanya yang berpunca daripada perbuatan pemalsuan, berpotensi untuk menggugurkan keseluruhan tuntutan perundangan yang bergantung padanya.

Implikasi pemalsuan dokumen perkahwinan dari sudut liabiliti jenayah pula dapat diperhatikan dengan lebih jelas melalui analisis dalam kes *Pendakwa Raya lwn. Pasupathy A/L Kanagasaby* [1995] *MLJU* 541. Dalam kes ini, tertuduh didakwa atas beberapa pertuduhan pemalsuan yang saling berkaitan, termasuklah pemalsuan dua sijil perkahwinan dan Borang 12 P.D.H.P. Pin 1/01, pemalsuan cop getah rasmi, serta pemilikan kad pengenalan palsu. Mahkamah mensabitkan tertuduh di bawah Seksyen 466 Kanun Keseksaan kerana memalsukan rekod rasmi, iaitu sijil perkahwinan, dan di bawah Seksyen 474 Kanun Keseksaan [Akta 574] kerana memiliki dokumen palsu dengan niat untuk menggunakannya sebagai dokumen tulen. Kesalahan yang berkaitan dengan cop rasmi dan kad pengenalan pula ditangani melalui peruntukan undang-undang lain yang relevan.

Pendekatan mahkamah dalam kes ini memperlihatkan bahawa pemalsuan dokumen perkahwinan tidak dinilai secara terasing, sebaliknya difahami sebagai sebahagian daripada suatu rangkaian perbuatan pemalsuan yang bertujuan untuk mewujudkan gambaran kesahan undang-undang yang palsu. Menerusi penilaian fungsi dan tujuan setiap dokumen yang dipalsukan, mahkamah dapat mengaplikasikan peruntukan jenayah yang bersesuaian secara kumulatif, selaras dengan prinsip bahawa kesan undang-undang sesuatu dokumen adalah lebih utama berbanding dengan bentuk fizikalnya semata-mata.

Aspek pengesahan ketulenan dokumen perkahwinan pula dapat diperhatikan dalam keputusan mahkamah tinggi dalam kes *Re Estate of Chong Swee Lin; Kam Soh Keh lwn. Chan Kok Leong & Ors* [1997] 4 *MLJ* 375. Dalam kes ini, pemohon yang mendakwa dirinya sebagai suami si mati memfailkan permohonan untuk mendapatkan surat kuasa mentadbir harta pusaka. Walau bagaimanapun, kedudukan pemohon dicabar oleh responden yang mempertikaikan kesahihan sijil perkahwinan yang dikemukakan.

Bagi menjalankan fungsi penilaian kehakiman terhadap keterangan dokumentar, mahkamah mengaplikasikan Seksyen 73(1) Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dengan membandingkan tandatangan pada sijil perkahwinan tersebut dengan dokumen lain yang tidak dipertikaikan. Hasil perbandingan menunjukkan ketidakkonsistenan yang ketara dari segi ciri penulisan, selain wujud percanggahan keterangan saksi yang berkaitan dengan latar belakang pengeluaran sijil perkahwinan berkenaan. Dengan berdasarkan keseluruhan penilaian keterangan, mahkamah memutuskan bahawa sijil perkahwinan tersebut tidak sah, seterusnya menolak permohonan pemohon.

Secara keseluruhan, analisis kes ini menunjukkan bahawa mahkamah sivil menilai pemalsuan dokumen perkahwinan sebagai suatu kesalahan yang serius kerana potensinya untuk menjejaskan kepastian undang-undang dan integriti sistem kehakiman. Pendekatan kehakiman yang menekankan ketulenan dokumen dan standard pembuktian yang ketat dapat memastikan bahawa dokumen palsu tidak dijadikan asas bagi memperoleh kelebihan perundangan yang tidak sah, sekali gus memelihara keabsahan proses keadilan dan keyakinan terhadap sistem perundangan sivil.

Reformasi Perundangan Mahkamah Sivil bagi Menangani Pemalsuan Dokumen Perkahwinan di Malaysia

Walaupun rangka kerja perundangan sedia ada, khususnya Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] menyediakan asas bagi menangani kesalahan pemalsuan dokumen, perubahan landskap dokumentasi yang makin beralih kepada bentuk digital memerlukan suatu pendekatan reformasi yang lebih menyeluruh dan berpandangan ke hadapan (Nurul Izzati Kholdun et al., 2024). Perkembangan modus operandi pemalsuan yang kini melibatkan pemanipulasian imej, pengubahsuaian metadata dan penciptaan dokumen tiruan melalui perisian komputer mendedahkan keterbatasan peruntukan sedia ada. Sebagai contoh, Seksyen 42 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] masih beroperasi dalam kerangka konvensional dan belum secara jelas menangani bentuk pemalsuan digital, sekali gus mewujudkan ruang kelemahan yang dapat dieksploitasi dan menjejaskan keberkesanan perlindungan terhadap rekod perkahwinan.

Dari sudut bidang kuasa, pemalsuan dokumen perkahwinan berpotensi untuk menggugat keupayaan mahkamah sivil untuk menentukan kesahihan

perkahwinan, serta memberikan remedi perundangan yang sewajarnya. Keputusan dalam kes *Yeoh Iwn. Chew* [2001] 4 *MLJ* 373 menunjukkan bahawa ketiadaan dokumen yang sah bukan sahaja menjejaskan tuntutan substantif, malah dapat menafikan bidang kuasa mahkamah itu sendiri. Dalam konteks ini, reformasi tidak seharusnya tertumpu pada peningkatan hukuman semata-mata, tetapi perlu melibatkan penyelarasan institusi antara mahkamah sivil, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan agensi penyiasatan. Penyelarasan ini penting bagi memastikan proses pengesahan dokumen perkahwinan dilaksanakan secara seragam, berkesan dan kurang terdedah pada pertikaian, khususnya dalam sekitaran perundangan yang makin bergantung pada rekod digital.

Selaras dengan agenda pendigitalan pentadbiran awam, sistem pendaftaran perkahwinan perlu diperkukuh melalui penerapan mekanisme teknikal yang mampu menjamin integriti dokumen secara proaktif. Antara langkah yang dapat dipertimbangkan termasuklah penggunaan kod respons pantas (QR) yang dapat disahkan secara masa nyata, nombor siri unik yang berasaskan teknologi kriptografi, ciri keselamatan visual, seperti tanda air digital, serta integrasi dengan pangkalan data nasional yang berpusat. Dalam jangka masa panjang, penggunaan teknologi lejar digital teragih, seperti blok rantai, wajar dipertimbangkan bagi memastikan rekod perkahwinan bersifat tidak boleh diubah tanpa jejak audit, sekali gus meningkatkan tahap kebolehpercayaan dokumen rasmi.

Di samping reformasi teknikal, pembangunan kapasiti institusi merupakan elemen penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang. Pegawai JPN, penyiasat polis dan pendakwa raya perlu dilengkapi dengan latihan khusus dalam bidang forensik dokumen, analisis tandatangan, pengesanan pemalsuan digital dan pemahaman teknikal yang berkaitan dengan metadata. Pelaksanaan latihan berasaskan prosedur operasi standard pada peringkat nasional bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan penyiasatan dan pendakwaan, malah memastikan pendekatan yang konsisten di seluruh negara bagi menangani kes pemalsuan dokumen perkahwinan.

Akhir sekali, dari sudut dasar, suatu kerangka tadbir urus perundangan yang lebih bersepadu perlu dirangka bagi menyelaraskan standard keselamatan dokumen, prosedur verifikasi, tanggungjawab pegawai dan mekanisme pelaporan kes pemalsuan. Pindaan bersasar terhadap Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] wajar dipertimbangkan bagi memasukkan kategori pemalsuan digital, memperhalusi skop kesalahan, serta menetapkan kewajipan undang-undang untuk agensi berautoriti bagi

memastikan ketulenan dan keselamatan rekod perkahwinan. Reformasi sedemikian penting bagi memastikan integriti rekod perkahwinan terus terpelihara dan sistem perundangan sivil kekal responsif terhadap cabaran pendigitalan yang makin kompleks.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan bahawa rangka kerja perundangan mahkamah sivil di Malaysia menyediakan suatu mekanisme yang jelas, tegas dan berstruktur bagi menangani kes pemalsuan dokumen perkahwinan. Kesalahan tersebut bukan sahaja diklasifikasikan sebagai suatu jenayah di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], malah menyebabkan implikasi perundangan yang signifikan terhadap kesahan perkahwinan, bidang kuasa mahkamah, serta pelaksanaan hak dan liabiliti pihak yang bergantung pada dokumen berkenaan. Analisis terhadap kes yang pernah dilaporkan, seperti *Yeoh lwn. Chew* dan *Pendakwa Raya lwn. Pasupathy A/L Kanagasaby dan Re Estate of Chong Swee Lin*, memperlihatkan bahawa mahkamah sivil mengaplikasikan standard pembuktian yang ketat dan berdisiplin, khususnya melalui perbandingan tandatangan, penilaian keterangan forensik dan pematuhan terhadap Seksyen 73 Akta Keterangan 1950 [Akta 56] bagi menentukan ketulenan dokumen. Pendekatan ini mencerminkan pendirian kehakiman yang konsisten bagi memastikan bahawa hanya dokumen yang tulen dan boleh dipercayai diterima sebagai asas terhadap sesuatu tuntutan atau pembelaan.

Di samping itu, peruntukan khusus di bawah Seksyen 42 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] memperkukuh perlindungan terhadap integriti daftar perkahwinan melalui pengenaan penalti yang tegas, sekali gus mencerminkan kejelasan pendirian legislatif bagi mengekang penyalahgunaan dokumen perkahwinan. Namun demikian, kemunculan cabaran baharu yang berkaitan dengan pemalsuan digital dan pemanipulasian dokumen yang berasaskan teknologi memerlukan penambahbaikan berterusan dari sudut perundangan dan pentadbiran. Pengukuhan mekanisme pengesahan dokumen, pemerkasaan prosedur operasi standard dan peningkatan kapasiti institusi berkaitan adalah penting bagi memastikan integriti pendaftaran perkahwinan dan keyakinan awam terhadap sistem kehakiman sivil terus terpelihara dalam sekitaran perundangan yang makin berorientasikan digital.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia atas segala sokongan dan bantuan yang diterima secara langsung atau secara tidak langsung dalam penerbitan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohamad Aniq Aiman Alias: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penganalisan data, serta penyediaan draf awal dan akhir; Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Ahmad Syukran Baharuddin: Semakan kandungan ilmiah dan penambahbaikan terhadap hujah dan struktur keseluruhan makalah; Hasnizam Hashim dan Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim: Penulisan literatur dan penyusunan struktur penulisan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Ahmad Syukran Baharuddin. (2017). *The integration of forensic science fundamentals and al-qarinah towards achieving maqasid al-shari'ah* [Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ani Munirah Mohamad. (2019). Admissibility and authenticity of electronic evidence in the courts of Malaysia and United Kingdom. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 121–129.
- Anwarullah. (2010). *Principles of evidence in Islam*. A. S. Noordeen.
- Garner, B. A. (2004). *Black's law dictionary* (ed. ke-8). Thomson West.
- Habibah Omar, & Mazlina Mahali. (2020). *Law of evidence in Malaysia*. Sweet & Maxwell.
- Hyde lwn. Hyde and Woodmansee (1866) LR 1 P&D 130.
- Jamilah Jamilah, Mega T. Puspita, Endang Dimyati, Tetep Tetep, & Prima Melati. (2019). People's unawareness of the importance of marriage certificate. Dlm. *Proceedings of the 1st International Conference on Business, Law and Pedagogy, ICBLP 2019* (hlm. 1–5). Sidoarjo, Indonesia.
- Khaila Humaira R., M. Zaki Rizaldi, & Asmak Ul Hosnah. (2024). Analisis yuridis terhadap tindak pidana pemalsuan dokumen. *Indonesian Journal of Islamic Jurisprudence, Economic and Legal Theory*, 2(1), 325–338. <https://doi.org/10.62976/ijjel.v2i1.461>
- Khairul Anuar Abdul Hadi, & Halil Paino. (2016). Legal perspectives towards forgery, fraud and falsification of documents: Recent development. *Malaysian Accounting Review*, 15(2), 93–109. <https://doi.org/10.24191/mar.v15i2.589>
- Mohamad Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, & Muzaffar Syah Mallow. (2024). Wasa'il ithbat dalam undang-undang keterangan Islam: Analisis perundangan terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 689–700. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.792>
- Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, & Nurul Nisa Khalid. (2024). *Proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik*. Penerbit UKM.
- Mohammad Aniq Aiman Alias. (2022). *The falsification of documents in marriage cases under the civil and syariah courts in Malaysia: An appraisal analysis* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Aniq Aiman Alias. (2023). Pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam perundangan syariah di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 13(1), 31–43. <https://doi.org/10.53840/jmm.v13i1.142>
- Mohammad Aniq Aiman Alias. (2024a). Pemalsuan dokumen perkahwinan: Analisis terhadap oeruntukan berkaitan dan kajian kes di mahkamah syariah Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 161–180. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2)no1)

- Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid. (2024, 15 Disember). Anak bakal berdepan masalah identiti. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1166270/anak-bakal-berdepan-masalah-identiti>
- Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi. (2015). *Perkahwinan tidak mengikut prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Muhammad Hazim Ahmad, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, Nur Khairina Othaman, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2019). Analisis perundangan bagi undang-undang keterangan mahkamah syariah berkaitan bukti saintifik dan penerimaannya di mahkamah syariah. Dlm. Haliza A. Shukor, Zahari Mahad Musa, Syaryanti Hussin, & Norman Zakiyy Chow Jen T-Chiang (Pnyt.), *E-Proceeding Diskusi Syariah dan Undang-undang* (Siri 1, hlm. 40–55). Universiti Sains Islam Malaysia. <https://www.scribd.com/document/709492135/DSU-Prosiding-Siri-1-2019>
- Nuraisyah Chua Abdullah. (2020). *Family law for non-Muslims in Malaysia*. International Law Books Services (ILBS).
- Nurul Izzati Koldun, Nur Aina Zafirah Azmi, Intan Shafinaz Mohammadi, Suhaizad Saifuddin, & Lukman Abdul Mutalib. (2024). Pemakaian keterangan dokumen elektronik dalam pembuktian: Kajian kes di mahkamah syariah Malaysia. Dlm. Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat, Aspalilah Alias, Hasnizam, Hashim, Ahmad Syukran Baharuddin, Muhammad Aniq Aiman Alias, Tuan Mohd Faris Hamzi Tuan Ibrahim, Radin Ahmad Taufik Salikin Izzaddin & Ahmad Salman Mohd Yusof (Pnyt.), *Proceedings of 2nd CFORSJ International Conference on Syariah, Law, and Science 2024* (Jld. 2, No. 1, hlm. 571–582). Universiti Sains Islam Malaysia. <https://alnadwah.usim.edu.my/cforsjprocedia/paper/view/4>
- Pathmanabhan Nallusamy lwn. *Pendakwa Raya* [2013] *MLJU* 1567.
- Paul, A. (2010). *Evidence: Practice and procedure*. LexisNexis Malaysia.
- Pendakwa Raya* lwn. *Chin Kim* [1985] 2 *MLJ* 129.
- Pendakwa Raya* lwn. *Datuk Haji Sahar Arpan* [2007] 1 *AMR*.
- Pendakwa Raya* lwn. *Lee Weng Tuck* [2010] 7 *MLJ* 414.
- Pendakwa Raya* lwn. *Pasupathy A/L Kanagasaby* [1995] *MLJU* 541.
- R lwn. Maqsum Ali* [1966] 1 *QB* 688.
- Rantanlal, & Dhirajlal. (2007). *Law of crimes*. Puliani for Bharat Law House.
- Re Estate of Chong Swee Lin; Kam Soh Keh lwn. Chan Kok Leong & Ors* [1997] 4 *MLJ* 375.
- Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin, & Abdul Jalil Ramli. (2021). Impak perkahwinan tanpa kebenaran memberi kesan kepada pasangan dan institusi kekeluargaan. Dlm. Sumit Kundu, U. Shripathi Acharya, Chanchal Kr. De & Surajit Mukherjee (Pnyt.), *Proceedings of the 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI) 2021* (hlm. 1–18). Universiti Malaysia Perlis.

- Suzana Muhamad Said, & Raja Muhammad Zuha Raja Kamal Bashah. (2018). Exploring the legal aspects and court process of forensics entomology from the Malaysia's perspective. *Serangga*, 23(2), 268–278.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, & Nurul Syahirah Saharudin. (2019). Understanding of syariah practitioners in Malaysia on document forgery. *Humanities & Social Sciences Reviws*. 7(6), 349–355.
- Yeoh lwn. *Chew* [2001] 4 *MLJ* 373.